KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BH | | | |
| TARIKH | : | 5/11/2021 (JUMAAT) | MUKA SURAT | : | 20 |
| JABATAN | : | JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG | | | |

# RM6.45j pulih Tasik Chini

BH 05.11.2021_20

## Empat komponen pemulihan dilaksana sejak 4 tahun lalu

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

**Pekan:** Peruntukan lebih RM6.45 juta digunakan untuk memulihkan Tasik Chini melalui empat komponen yang dimulakan sejak empat tahun lalu.

Timbalan Pengarah Pembangunan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Samsu Anuar Nawi, berkata komponen pertama membabitkan program penghijauan kawasan terosot lebih 200 hektar menelan belanja lebih RM3.95 juta menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

Ia membabitkan aktiviti tanam semula pokok hutan, termasuk pokok penutup bumi di kawasan lapang dan terbuka yang kini menampakkan kejayaan memuaskan, manakala komponen kedua ialah pemulihan kawalan hakisan dan mendapan tanah dalam zon penampan Tasik Chini sepanjang lebih 1.75 kilometer dengan kos RM2.5 juta dari Kumpulan Wang Pemulihan Lombong.

"Komponen ketiga, pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di kawasan Tasik Chini. Seramai 13 penduduk yang menetap di Kampung Gumum, Kampung Cendahan, Kampung Puput dan Kampung Melai dibekalkan kelengkapan untuk mengumpul, menyemai dan menjaga anak pokok hutan.

"Pokok hutan yang mereka bekalkan ditanam kakitangan JPNP di kawasan Tasik Chini apabila mencapai usia matang," katanya selepas mengiringi lawatan kerja Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Datuk Zahari Ibrahim ke kawasan pemulihan Tasik Chini, di sini, semalam.

Samsu Anuar berkata, komponen terakhir, kempen kesedaran pemeliharaan hutan di kawasan pencerobohan di Tasik Chini secara berterusan dalam usaha memulihkan kawasan itu yang menjadi antara produk pelancongan terkenal di negeri ini.



*Zahari (tengah) dan Samsu Anuar menanam pokok hutan ketika lawatan ke kawasan pemulihan Tasik Chini, semalam.* (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)